

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.

Bil.(80)d1m.KKM-87(45/1)
Bhg.6 s.k.2/1

Tarikh: 6 April, 1987

Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid b. Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

Yg. Bhg. Tan Sri,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah
Kesihatan Malaysia Bil. 3/1987

Penyeliaan Doktor-doktor
di Jabatan Klinikal.

... Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk
kepada perkara tersebut di atas dan dengan
ini disertakan surat pekeling tersebut
untuk simpanan Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Lim Ewe Seng
(DR. LIM EWE SENG)

Timb. Pengarah Perkhidmatan Perubatan I
Bahagian Perkhidmatan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

TM/mma..

Siti

Siti

simpan

13/4

h
8/4

Tkpk
Abdul Khalid b. Sahan
Presiding
1/4

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERUBATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
JALAN CENDERASARI,
50590 KUALA LUMPUR.

Ruj: (78)dlm.KKM-82/2/6

Tarikh: 1hb April, 1987

Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri

Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Negeri Sabah/Sarawak.

Pengarah Yayasan/Institusi:

- Hospital Besar Kuala Lumpur
- Hospital Bahagia Ulu Kinta
- Hospital Permai Tampoi
- Pusat Tibi Negara.
- Hospital Kusta Negara, Sg. Buloh.

Datuk/Tuan/Puan,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan
Malaysia Bil. 3/1987

Penyeliaan Doktor-doktor di Jabatan Klinikal

Adalah diperhatikan bahawa penyeliaan doktor-doktor oleh ketua-ketua jabatan klinikal di beberapa buah hospital tidak begitu memuaskan. Pekeliling ini bertujuan untuk meningkatkan penyeliaan doktor di jabatan-jabatan klinikal supaya kelakuan, mutu kerja dan prestasi mereka mencapai taraf selaras dengan kehendak perkhidmatan.


2. Dengan demikian tuan adalah diminta untuk mengarahkan semua ketua jabatan klinikal meningkatkan penyeliaan ke atas doktor-doktor yang bertugas di jabatannya khususnya seperti berikut:

- 2.1 Menyedarkan doktor-doktor tentang kehendak etika perubatan serta sentiasa memastikan bahawa mereka mematuhi.
- 2.2 Meningkatkan penyeliaan ke atas doktor-doktor supaya perkhidmatan lebih bermutu.
- 2.3 Meningkatkan tunjuk ajar kepada doktor-doktor mahil-

- 2.4 Memastikan semua nota-nota pesakit disediakan dengan sempurna.
 - 2.5 Menentukan doktor-doktor membuat rujukan pesakit-pesakit dengan teratur.
 - 2.6 Mengingatkan doktor-doktor bahawa kerja 'locum' di klinik-klinik swasta adalah dilarang oleh perintah 5(i)(b) Perintah Am Bab 'D' 1980.
3. Surat pekeliling ini hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat-mesyuarat tuan dengan pakar-pakar. Pegawai pakar seterusnya akan bertanggungjawab menyampaikan isi kandungan surat ini kepada semua doktor-doktor di bawah jagaannya.
4. Perlu dinyatakan bahawa perkara ini hendaklah ditegaskan kepada kakitangan yang berkenaan semasa melakukan 'ward round', mesyuarat-mesyuarat klinikal, mesyuarat jabatan dan sebagainya.
5. Sekiranya memerlukan sebarang penjelasan sila berhubung dengan Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan (untuk perhatian Dr. T. Mahadevan).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DATUK (DR.) ABDUL KHALID B. SAHAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

- s.k:- Y.B. Menteri Kesihatan.
- Y.B. Timbalan Menteri Kesihatan.
- Y.B. Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia.